

Sementara itu, Wei Kiat berkata, sebanyak empat projek penyelenggaraan perumahan di Rawang diluluskan melibatkan peruntukan hampir RM2 juta.



Keadaan Pangsapuri Taman Pelangi yang tersenarai dalam projek penyelenggaraan perumahan oleh KPKT.

“Pangsapuri terlibat adalah Las Palmas Bandar Country Homes, Taman Tun Teja, Desa Sri Bayu dan Taman Pelangi.

“Kebanyakan projek adalah membaiki bumbung, ada juga melibatkan membaiki lif, paip, pengadang tangga, pendawaian elektrik, tangki air dan lain-lain,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi MC pangsapuri Taman Pelangi, Zulkefli Che Lah, meluahkan kesyukuran selepas isu penyelenggaraan bumbung yang dihadapi sejak enam tahun lalu akhirnya mendapat perhatian.

“Masalah bumbung bocor dan tercabut kerap berlaku setiap kali hujan lebat dan angin kencang, namun untuk baiki secara total kami tiada mampu kerana melibatkan kos yang besar.

“Apabila permohonan penyelenggaraan ini diluluskan kami sangat gembira kerana sudah menunggu lama untuk penggantian bumbung melibatkan pangsapuri 200 unit ini,” katanya.